

**PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN (RMC)**

**MESYUARAT KERJASAMA BERSAMA UNIVERSITI SUNWAY  
DAN PERSATUAN PENIAGA KOREA (KOCHAM)**

Pada **27 Disember 2017** telah diadakan Mesyuarat Kerjasama antara Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) bersama Universiti Sunway, Subang Jaya, Selangor. Delegasi UTHM diketuai oleh Profesor Dr. Ruzairi Abdul Rahim, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi). Turut serta adalah Profesor Dr. Abu Khari A'ain, Pengarah Institut Kejuruteraan Integrasi (I<sup>2</sup>E), Profesor Madya Dr. Mohd. Ezree Abdullah, Pengarah Pejabat Hubungan Universiti dan Industri (PHUI), Profesor Madya Dr. Mohd. Khairul Ahmad, Timbalan Pengarah RMC dan Profesor Madya Dr. Nafarizal Nayan, Ketua Pusat MiNT-SRC. Manakala pihak Universiti Sunway diketuai oleh Profesor Dr. Saidur Rahman. Turut serta dalam perbincangan adalah beberapa penyelidik dari Universiti Sunway iaitu Dr. Syed Shahabuddin, Dr. Samir Hassani dan Dr. Jesbains Kaur.

Pada sesi petang, mesyuarat kerjasama diadakan bersama Persatuan Peniaga Korea (KOCHAM) yang diketuai oleh Cik Cho Ah Ra selaku Pengurus Perhubungan Awam, KOCHAM. Matlamat mesyuarat adalah untuk memperluaskan rangkaian dengan mempromosi peluang-peluang yang berpotensi untuk dijalankan bersama. Semoga pertemuan ini memberi manfaat kepada kedua-dua belah pihak.

